

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

TARIKH : 19.6.2014

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kolej swasta yang mendapat permit untuk menawarkan kursus Bahasa Malaysia kepada penuntut asing dari luar negara dan nyatakan nama kolej-kolej swasta ini. Berapakah jumlah penuntut dari Nigeria yang berdaftar untuk mengambil kursus Bahasa Malaysia di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), Seksyen 41 menyatakan bahawa semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah mengendalikan kursus pengajiannya dalam bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, dengan kelulusan Menteri Pendidikan, IPTS boleh untuk mengendalikan sesuatu kursus pengajian dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Malaysia mempunyai pilihan sama ada untuk mengikuti kursus jangka pendek bahasa Melayu bagi meningkatkan kemahiran mereka. Mengikut rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), terdapat satu (1) PTS yang menawarkan kursus bahasa Melayu sebagai kursus jangka pendek iaitu Open University Malaysia (OUM).

Sehingga 1 Jun 2014, jumlah enrolmen pelajar antarabangsa warganegara Nigeria yang mengikuti pengajian di pelbagai peringkat di IPTS ialah seramai 4,640 orang

dengan pecahan mengikut jantina ialah pelajar lelaki (3,928 orang) manakala pelajar wanita seramai (712 orang).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelajar di Pusat Bahasa dan Pusat Latihan/Kemahiran pula, KPM telah memberi sokongan kepada 24 buah Pusat Bahasa dan Pusat Latihan / Kemahiran untuk mendapat perakuan kelulusan Kementerian Dalam Negeri bagi menawarkan kursus Bahasa Malaysia kepada penuntut asing dari luar negara. Keseluruhan pelajar antarabangsa yang memohon untuk mendapat surat sokongan Pas Pelajar sehingga 31 Disember 2013 adalah seramai 34,866 orang. Daripada jumlah ini seramai 9,773 orang adalah pelajar Nigeria yang memohon untuk belajar di Pusat Bahasa dan Pusat Latihan / Kemahiran. Jumlah pelajar Nigeria yang memohon mengikuti Program Bahasa Malaysia sehingga 31 Disember 2013 adalah 2,704 orang. Daripada jumlah ini hanya seramai 2,194 orang diberi kelulusan.

Rjm133

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : IPOH TIMOR
TARIKH : 19.06.2014
NO. SOALAN : 78

YB TUAN SU KEONG SIONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan dan status Perak Hi Tech Park yang telah di lancarkan beberapa tahun yang lalu. Kedua, ingin mendapatkan jumlah pelaburan yang telah dilaburkan pelabur asing dan tempatan serta jangka masa persiapan Taman Hi-Tech tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang DiPertua,

Perak Hi-Tech Park (PHTP) merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMk9) dan telah dilancarkan pada tahun 2004.

Pembangunannya bertujuan menempatkan industri-industri berteknologi tinggi sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi negeri Perak.

Sektor yang disasarkan adalah:

- i. Bio dan Teknologi Hijau;
- ii. Industri Penerbangan;
- iii. Bahan Termaju (*Advance Material*);
- iv. Robotik dan Peralatan Automasi;
- v. Semi konduktor dan industri berkaitan;
- vi. Elektronik Termaju (*Advance Electronics*); dan
- vii. Industri/Teknologi Baharu dan Baharu Muncul.

Tiga (3) komponen utama PHTP adalah merangkumi MSC Cybercentre dan Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan di Bandar Meru Raya serta membangunkan Taman Perindustrian Hi-Tech Perak seluas 827.99 ekar di Chemor.

Infrastruktur MSC Cybercentre dan Kompleks Jabatan-jabatan Kerajaan telah pun siap sepenuhnya manakala jalan masuk utama, sistem peparitan dan jambatan dalam Taman Perindustrian Hi-Tech Perak telah disiapkan.

Perancangan pembangunan Taman Perindustrian Hi-Tech Perak melibatkan 3 fasa utama seperti berikut:-

i. Fasa 1 (2014 – 2016) :

Membangunkan kawasan perindustrian seluas 188.44 ekar, membina 10 unit kilang *duplex* dan menyediakan infra asas seperti jalan masuk utama dan bekalan air;

ii. Fasa 2 (2017 – 2018) :

Membangunkan kawasan perindustrian seluas 359.56 ekar, menyiapkan kemudahan bersama ('common facility center') dan pembinaan jalan sepanjang 3,100 meter; dan

iii. **Fasa 3 (2019 -2020) :**

Membangunkan baki 279.99 ekar kawasan perindustrian dan pembinaan jalan sepanjang 7,080 meter.

Apabila Taman Hi-Tech tersebut telah siap sepenuhnya, Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Invest Perak akan bekerjasama untuk mempromosi dan menarik pelaburan asing dan tempatan ke kawasan tersebut.